

KUALA LUMPUR, 13 DIS. (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI KAJIAN PERLU DILAKUKAN MENGENAI KEMUNGKINAN MENJADIKAN TUKANG DAN ARTIS BERKEMAHIRAN TINGGI SEPEGAI WARISAN NEGARA.

KATANYA, INI SUDAH PUN DIAMALKAN OLEH SEBUAH NEGARA TIMUR YANG MEMBERI LAYANAN ISTIMEWA KEPADA WARISAN NEGARA SUPAYA HIBID MEREKA SEMPURNA DAN KESENIAN SERTA KEMAHIRAN MEREKA KEKAL.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA JUGA PERLU MENGIKUTI PERKARA ITU JIKA IA TIDAK MAHU MELIHAT SEGALA KEMAHIRAN DAN KECEKAPAN ASLINYA LUPUT DAN HILANG DARI MASYARAKAT.

BERUCAP MELANCARKAN BUKU 'SENI PERTUKANGAN TANGAN MALAYSIA' SERTA PAMERAN BERKENAAN DI MUZIUM NEGARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH PUN MENUBUHKAN LEMBAGA KRAFTANGAN.

BADAN ITU MEMPUNYAI SUMBER KEWANGAN DAN KUASA UNTUK MENGEKALKAN KETINGGIAN KEMAHIRAN DAN KEASLIAN KRAFTANGAN TRADISI DAN PAU MENDEPAKANTKAN PEMASARAN BARU. — BERSAMBUNG 1552/AZ

MAHATHIR-WARISAN 2 KUALA LUMPUR

WALAU PUN DEMIKIAN, TANGGUNGJAWAB MASA DEPAN SENI PERTUKANGAN TANGAN MALAYSIA TIDAK SEMESTINYA DIPUKUL OLEH LEMBAGA ITU ATAU AGENSI PEMASARANNYA SAJA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

UNIVERSITI-UNIVERSITI, BANK, SYARIKAT DAN LAIN-LAIN INSTITUSI AWAM HARUS JUGA MEMAIN PERANAN YANG AKTIF, TEGAS BELIAU.

BELIAU KESAL YANG BANGUNAN-BANGUNAN DI NEGARA INI TIDAK MEMPUNYAI WATAK DAN IDENTITI MALAYSIA.

KATANYA, INI MUNGKIN KERANA KEBANYAKAN AKITEK DI NEGARA INI DILATIH DI BARAT DAN TIDAK MENGIKUTI KURSUS TERTENTU BERKENAAN DENGAN KESENIAN KRAFTANGAN DAN RUPABENTUK TEMPATAN DAN CARA-CARA MENYESUAIKANNYA DENGAN BAHAN DAN BENTUK BANGUNAN MODEN.

BERKAITAN DENGAN INI, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGESYORKAN SUPAYA SENI KRAFTANGAN DIJADIKAN MATAPELAJARAN PENTING BAGI SEMUA AKITEK YANG DIDAFTARKAN DI MALAYSIA.

BELIAU JUGA MENGESYORKAN SUPAYA PERTANDINGAN DIADAKAN MENGENAI REKABENTUK DAN MODEL BANGUNAN YANG MENGERMINKAN KEPERBADIAN MALAYSIA. — BERNAMA 1554/AZ